

# Kabel haram punca banjir kilat

Sambungan dibuat pemilik premis guna saluran longkang hingga menyebabkan ia tersumbat

■ HIDAYAH HAIR

**KUALA LUMPUR** - Sambungan kabel elektrik secara haram yang menggunakan saluran longkang di ibu negara dikenal pasti antara penyumbang berlaku banjir kilat di ibu negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), Datuk Mohd Zain Hassan berkata, keadaan itu disebabkan sisa sampah kecil yang berada dalam longkang tersangkut dan kapasiti air yang tinggi memburukkan lagi keadaan.

Menurutnya, lebih 25 lokasi dikenal pasti berlaku sambungan haram dalam saluran longkang, dipercayai melibatkan pihak pemilik premis dan pihak utiliti.

"Masalah ini secara tidak

langsung menyukarkan kerja-kerja pembersihan yang akan dilakukan kerana adanya pemasangan kabel di dalam longkang dan penutupan kekal pada permukaan longkang terutama di premis perniagaan.

"Jadi kita hanya dapat melakukan pembersihan secara manual yang tidak memberi jaminan terhadap kebersihan secara menyeluruh.

"Namun begitu, perkara ini akan dilaporkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam sidang akhbar di sini kelmarin.

Terdahulu, beliau meluangkan masa kira-kira 2 jam melawat dan meninjau tiga kawasan di sekitar Jalan Kia Peng dan Jalan Changkat, Bukit

Bintang yang didapati berlakunya masalah berkenaan.

Dalam pada itu, Mohd Zain berkata, pembersihan longkang yang kini dibuat sebulan sekali akan ditingkatkan kepada dua hingga empat kali sebulan khususnya di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan kawasan berisiko berlaku banjir.

Ujarnya, pendekatan itu diusulkan kepada DBKL dalam usaha memastikan saliran longkang dapat dibersihkan dengan lebih sempurna.

"Antara kawasan dikenal pasti termasuk Bukit Bintang, Masjid India, Chow Kit, Pudu, KLCC, Jalan Imbi dan kawasan hotspot biasa berlaku banjir.

"Bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat cadangan dan perbincangan antara semua pihak terlibat," katanya.



Mohd Zain (kanan) mengeluarkan sisa pepejal yang tersangkut pada sambungan kabel yang menggunakan saluran longkang di kawasan Bukit Bintang.